



## KEMENTERIAN WILAYAH

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **PENJAWAT AWAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN DISERU BAYAR ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI**

**PUTRAJAYA, 4 Oktober 2018** – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini merasmikan Program Jom Berzakat Bersama Warga Kementerian Wilayah dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat – MAIWP (PPZ-MAIWP) di Menara Seri Wilayah.

Program ini dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada warga Kementerian Wilayah untuk melaksanakan Rukun Islam yang ketiga iaitu mengeluarkan zakat pendapatan melalui kaedah potongan gaji. Hal ini kerana tahap kesedaran dalam kalangan penjawat awam untuk mengeluarkan zakat secara konsisten adalah kurang. Oleh itu, Kementerian Wilayah menyambut baik Kempen Jelajah Zakat yang dilaksanakan oleh PPZ-MAIWP untuk membuat pemotongan gaji dalam kalangan penjawat awam.

YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah juga berharap usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah ini akan menjadi *role-model* kepada semua kementerian dan agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan diteladani untuk turut sama menunaikan tanggungjawab berzakat yang wajib bagi setiap muslim yang cukup syarat berzakat. Di dalam majlis ini, beliau secara rasminya telah memilih membuat bayaran zakat melalui Skim Thohir iaitu potongan gaji secara bulanan.

PZ-MAIWP adalah bertanggungjawab mengutip zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,Putrajaya dan Labuan manakala Baitulmal-MAIWP telah dilantik oleh MAIWP bagi pengagihan zakat. Bagi merencanakan kempen berzakat, PPZ-MAIWP mengadakan kempen Jom Sertai Kempen Skim Thohir 2018 melalui pemotongan gaji zakat bermula dari Julai 2018 – 31 Oktober 2018 dengan pelbagai hadiah menarik termasuk umrah dan percutian tajaan Five Estect Travel Services Sdn Bhd.

Kempen Jelajah Zakat ini dapat menggalakkan pembayaran zakat dibuat yang seterusnya dapat membantu Baitulmal-MAIWP menyantuni golongan asnaf khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Oleh itu, semua penjawat awam digalakkan untuk membuat taksiran / kiraan zakat bersama PPZ-MAIWP untuk mengetahui jumlah zakat semasa individu. Talian Zakat yang boleh dihubungi untuk membuat pengiraan tersebut adalah 1-300-88- 5757.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat, Kementerian Wilayah &  
Unit Komunikasi Korporat Pusat Pungutan Zakat - MAIWP  
4 Oktober 2018**